

23 FEB 2003

NAM-Mahathir (Majlis)/I

MAHATHIR CADANGKAN SEBUAH MAJLIS PERNIAGAAN NAM

PETALING JAYA, 23 Feb (Bernama) -- Masyarakat perniagaan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) perlu membentuk satu majlis perniagaan yang boleh secara kolektifnya memanfaatkan sumber ekonomi dan mempertingkatkan perdagangan dan hubungan pelaburan di kalangan 114 anggota pergerakan itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika merasmikan Forum Perniagaan NAM mengenai Kerjasama Selatan-Selatan di sini, beliau berkata ini amat penting terutamanya dalam situasi ekonomi global yang sukar ekoran kebimbangan terhadap keganasan yang sememangnya tidak elok untuk perniagaan dan hanya meningkatkan kos menjalankan perniagaan.

Beliau berkata majlis perniagaan yang dicadangkan itu boleh membantu menggerakkan momentum dalam membina kerjasama ekonomi Selatan-Selatan dan dalam proses berkenaan, memperkayakan beberapa negara miskin dalam lingkungan Dunia Ketiga.

Dengan membina asas kemajuan atas ekonomi negara-negara Selatan, syarikat-syarikat sektor swasta dari anggota NAM juga boleh mendedahkan diri mereka kepada peluang perniagaan yang mungkin muncul hasil daripada kerjasama ekonomi yang telah dipertingkatkan itu, kata beliau.

Turut hadir pada forum yang mengumpulkan lebih daripada 1,000 anggota delegasi itu ialah Presiden Afrika Selatan Thabo M. Mbeki, Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri dan Perdana Menteri Thai Thaksin Shinawatra.

Dr Mahathir berkata kekayaan sesebuah negara bergantung kepada keupayaan dan kepakarannya untuk menterjemahkan sumber kepada produk dan perkhidmatan yang boleh dipasarkan.

Tetapi sebelum sumber-sumber ini boleh ditukarkan menjadi kekayaan, beberapa pra-syarat diperlukan dan yang paling penting ialah persekitaran politik, katanya.

"Mari kita akui bahawa bagi kebanyakan daripada kita, persekitaran politik tidak sesuai bagi mengeksploitasi sumber-sumber kita," kata beliau sambil menyatakan bahawa banyak negara membangun telah dibebani masalah ketidakstabilan politik sejak merdeka.

Perdana Menteri berkata sama ada sesebuah kerajaan itu bersifat autokratik ataupun demokratik, ia tidak menjadi hal dalam memastikan kestabilan sesebuah negara itu.

"Kesemua negara-negara maju hari ini ini telah dibangunkan oleh pemerintah autokratik. Hanya baru-baru ini sahaja, mereka telah menjadi demokratik," kata beliau.

Dr Mahathir mengakui buat masa ini, demokrasi menawarkan sistem politik yang terbaik tetapi "kita perlu tahu bagaimana untuk menguruskannya, menggunakannya dalam usaha untuk mempunyai kerajaan yang baik dan politik yang stabil."

Beliau juga berkata yang masyarakat perniagaan Selatan sepatutnya belajar bekerjasama, mengkaji, berbincang dan mencari jalan untuk menangani masalah mereka.

"Kita mesti belajar daripada kegagalan dan kejayaan satu sama lain. Tapi yang paling penting, kita mesti bersatu dan bertindak bersama-sama," kata beliau.

Mengambil contoh Malaysia umpamanya yang telah membantu banyak negara membangun dan seterusnya menyaksikan pembukaan sempadan perniagaan baru untuk syarikat Malaysia, Dr Mahathir berkata ia turut berada dalam

kepentingan negara maju di dunia untuk memajukan negara miskin.

Beliau berkata apabila mereka yang kaya melabur di Malaysia, "mereka membantu memperkayakan kita dan kita kemudiannya menjadi pasaran besar untuk barangan mereka."

Begitu juga dengan penerimaan Malaysia terhadap "Dasar Memakmurkan Jiran" telah memanfaatkan yang lain dan dengan memperkayakan mereka, mereka telah menjadi pasaran besar untuk barangan eksport Malaysia.

"Memperkayakan negara-negara miskin bukanlah satu amalan kebajikan. Ia memberi lebih manfaat kepada kepentingan sendiri," tegas Dr Mahathir.

Beliau berkata menerusi dasar ini, "bukan sahaja kita mewujudkan pasaran dan memperkayakan rakan-rakan niaga, tetapi kita juga akan mewujudkan dunia yang lebih makmur dan aman." -- BERNAMA

MR SHY AA RON